

Examinations Department  
Ministry of Education  
Bandar Seri Begawan BB3510  
Brunei Darussalam



جباتن قڤرڤساڤان

Jabatan Peperiksaan  
Kementerian Pendidikan  
Bandar Seri Begawan BB3510  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Kami : BE/DE/SPB 2019 ( 12 )  
Our Reference

9 Zulhijjah 1440  
10 Ogos 2019

**SURAT PEMBERITAHUAN  
JABATAN PEPERIKSAAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
BILANGAN : 8/2019**

**Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei – November 2019**  
**(Pendaftaran)**

Sukacita dimaklumkan pendaftaran bagi peperiksaan yang tersebut di atas akan bermula pada **19 Ogos 2019** hingga **28 September 2019**. Peperiksaan ini akan diadakan pada **1 November 2019 (Jumaat)** dan **3 November 2019 (Ahad)**.

Calon-calon yang terdiri daripada kelas Pelajaran Lanjutan yang ingin menduduki peperiksaan ini dikehendaki mendaftar melalui guru kelas masing-masing. Calon-calon persendirian bolehlah mendaftar terus ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan. Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima bayaran pendaftaran peperiksaan dengan wang tunai sahaja pada hari **Isnin** hingga **Khamis**, di sebelah pagi mulai **jam 8.00 pagi** hingga **11.00 pagi** sahaja dan di sebelah petang mulai **jam 1.30 petang** hingga **3.00 petang** manakala hari **Sabtu** mulai **jam 8.00 pagi** hingga **10.00 pagi** sahaja.

Sehubungan itu, calon-calon yang ingin menduduki peperiksaan **peringkat permulaan**, mestilah menyertakan **salinan kad pengenalan** sahaja, sementara calon-calon yang ingin menduduki peperiksaan di **peringkat menengah** atau **tertinggi** mestilah menyertakan **salinan kad pengenalan** dan **salinan slip keputusan** atau **sijil peperiksaan** di peringkat sebelumnya yang telah diambil dan lulus.


Sukacita juga diperingatkan kepada calon-calon bahawa sebarang penggunaan '**mesin taip elektrik**' dalam masa peperiksaan tidak dibenarkan sama sekali. Jika calon-calon didapati menggunakan '**mesin taip elektrik**', keputusan calon berkenaan akan dibatalkan.

2/....

Borang pendaftaran bolehlah didapati di Jabatan Peperiksaan. Borang yang telah lengkap diisikan berserta dengan bayarannya hendaklah dikembalikan ke jabatan ini tidak lewat pada **28 September 2019.**

Mata-mata pelajaran yang ditawarkan dan pusat peperiksaan adalah seperti di dalam Lampiran A.

*"Belia Berkarib, Ekonomi Mantap"*



[ ALI HAZIS BIN HAJI MOHD TAHIR ]  
Pengarah Peperiksaan